P50000	Bayaran-bayaran Lain	0	0
P52905	GST	1,500.00	0.2
	JUMLAH KECIL	195,000.00	27.2

PERUNTUKAN KEPADA SPK 2017

RM 125, 000.00

KEPERLUAN PERBELANJAAN SPK:

Bil	Perkara	Peruntukan Kewangan (RM)			
		QMS	ISMS	EMS	Jumlah
1.	Urusan Audit Pensijilan Peringkat Ketiga - merujuk quotation SIRIM (kerja mengaudit -pengangkutan udara & penginapan (Bintulu), yuran tahunan dll) - Makan/minum tempoh audit - Cenderamata juruaudit	70,000.00 1200.00	20,000.00 800.00	25,000.00 1200.00	115,000.00 3200.00
2.	Urusan Audit Dalaman - Keperluan pengangkutan udara & penginapan ke Bintulu - Latihan juruaudit	- 8000.00	1465.98 3600.00	- -	1465.98 11,600.00
	JUMLAH	**79,200.00**	**25,865.98**	**26,200.00**	**131,265.98**

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon mengambil perhatian berhubung:

1. laporan mengenai sokongan sumber kewangan UPM yang diperuntukkan bagi aktiviti pensijilan ISO UPM yang merangkumi:
   i) Urusan Audit Pensijilan Pihak Ketiga, termasuk caj audit, yuran tahunan dan keperluan pengangkutan & penginapan juru audit.
   ii) Urusan Audit Dalaman, termasuk persediaan/latihan juru audit dalaman

2. Laporan MKSP 2018 akan mengambil kira kecukupan sokongan kewangan, sebagaimana keperluan standard, klausa 9.2.3 (d)

AGENDA 6.1: MAKLUM BALAS PELANGGAN (PELANGGAN DALAM DAN LUAR)

1. Tujuan

Laporan Sistem Maklum Balas Pelanggan ini dikemukakan bagi mendapatkan perhatian dan pertimbangan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Universiti berhubung maklum balas yang diterima daripada pelanggan universiti merangkumi aduan, cadangan, penghargaan, pertanyaan, ulasan penambahbaikan terhadap proses penyampaian perkhidmatan universiti bagi tempoh **1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017**. Laporan ini adalah berdasarkan kepada maklum balas yang diterima menggunakan Sistem Maklum Balas Pelanggan (U-Respons) yang telah ditambah baik sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2014 dan 2016.

2. Latar Belakang

Pengurusan perhubungan pelanggan merupakan satu pendekatan holistik untuk menawarkan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan melalui pengurusan interaksi dan perhubungan yang cekap antara organisasi dan pelanggan. Kaedah interaksi ini melibatkan komunikasi yang berbeza seperti berikut:-

Komunikasi Dalaman	Komunikasi Luaran
Papan kenyataan IDM Buletin Putra UPM email@oneupm u-respon	E_newsletter Media sosial (Facebook, IG, Youtube) Media Cetak Media Elektronik u-respon promosi

Sehubungan itu, bagi memastikan proses penyampaian perkhidmatan berjalan lancar Sistem Maklum Balas Pelanggan atau lebih dikenali sebagai U-Respons dibangunkan secara in-house oleh iDEC dan mula digunakan sepenuhnya mulai tahun 2012. Sistem U-Respons boleh diakses di alamat berikut http://www.upm.edu.my/mb untuk memberikan maklum balas, manakala untuk proses tindakan pula boleh diakses di http://u-respons.upm.edu.my.

Sistem ini dipantau dan diselia setiap hari oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) dan dibantu oleh operator yang dilantik di peringkat induk dan dilaporkan kepada Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses secara berkala. Walau bagaimanapun, sistem ini masih lagi ditambah baik dari semasa ke semasa berdasarkan cadangan penambahbaikan semua pihak.

2.1 Perbandingan Kategori Maklum Balas Mengikut Tahun

	Tahun 2015 (Tempoh 2 Mei 2014 Sehingga 30 Mac 2015)	**Tahun 2016** (Tempoh 1 April 2015 Sehingga 30 Mei 2016)	**Tahun 2017** (Tempoh 1 Julai 2016 Sehingga15 Ogos 2017)
Kategori Maklum Balas	**Jumlah**	**Jumlah**	**Jumlah**
Aduan	**170**	**351**	**276**
Cadangan	**52**	**74**	**26**
Penghargaan	**25**	**15**	**18**
Pertanyaan	**1284**	**1663**	**758**
Jumlah	**1531**	**2103**	**1078**

***Data dikemaskini pada 16 Ogos 2017**

2.2 Perbandingan Jumlah Pengguna dan Maklum Balas Mengikut Tahun

Bil		**Tahun 2015** (Tempoh 2 Mei 2014 Sehingga 30 Mac 2015)	**Tahun 2016** (Tempoh 1 April 2015 Sehingga 30 Mei 2016)	**Tahun 2017** (Tempoh 1 Julai 2016 Sehingga15 Ogos 2017)
	Kategori Pengguna	**Jumlah**	Jumlah	**Jumlah**
1.	**Orang Awam**	748	929	428
2.	**Pelajar**	645	879	479
3.	**Pembekal**	29	84	8
4.	**Staf Upm**	109	211	163
	Jumlah	**1531**	**2103**	**1078**

***Data dikemaskini pada 16 Ogos 2017**

2.3 Jumlah Maklum Balas Mengikut Status Tindakan

Maklum Balas	Aduan	Cadangan	Penghargaan	Pertanyaan	Jumlah
Telah Selesai	255	15	9	586	865
Dalam Proses	21	11	9	172	213
Jumlah	**276**	**26**	**18**	**758**	**1078**

Nota: Tempoh 1 Julai 2016 sehingga 15 Ogos 2017
***Data dikemaskini pada 16 Ogos 2017**

2.4 Jumlah Maklum Balas Mengikut Status

	Status	Awam	Pelajar	Pembekal	Staf	JUMLAH
Maklum Balas	Aduan	26	137	-	113	**276**
	Cadangan	8	8	1	9	**26**
	Penghargaan	4	11	-	3	**18**
	Pertanyaan	390	323	7	38	**758**
JUMLAH PENGGUNA		**428**	**479**	**8**	**642**	**1078**

Nota: Tempoh 1 Julai 2016 sehingga 15 Ogos 2017
***Data dikemaskini pada 16 Ogos 2017**

5.1.5 Jumlah Maklum Balas Mengikut PTJ

PTJ	ADUAN Bilang Aduan Keseluruhan	CADANGAN Bilangan Cadangan	PENGHARGAAN Bilangan Penghargaan	PERTANYAAN Bilangan Pertanyaan	Bil. Maklumbalas
1.AKADEMI SUKAN	0	0	0	2	2
2.BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR	8	3	0	34	45
3.BAHAGIAN KAUNSELING UPM	0	0	0	0	0
4.BAHAGIAN KEMASUKAN DAN BAHAGIAN URUS TADBIR AKADEMIK	21	3	4	242	270
5.BAHAGIAN KESELAMATAN	15	0	0	10	25
6.FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI	1	0	0	12	13
7.FAKULTI BIOTEKNOLOGI DAN SAINS BIOMOLEKUL	0	0	0	5	5
8.FAKULTI EKOLOGI MANUSIA	0	0	0	4	4
9.FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN	58	2	0	3	63
10.FAKULTI KEJURUTERAAN	0	0	5	10	15
11.FAKULTI PENGAJIAN ALAM SEKITAR	0	0	0	1	1
12.FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN	0	0	0	12	12
13.FAKULTI PERHUTANAN	1	0	0	4	5
14.FAKULTI PERTANIAN	0	2	0	10	12
15.FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN	0	1	0	11	12
16.FAKULTI PERUBATAN VETERINAR	1	0	0	11	12
17.FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA	0	0	0	7	7
18.FAKULTI SAINS	0	0	1	4	5
19.FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI MAKANAN	0	0	0	4	4
20.FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	0	0	0	3	3
21.FAKULTI SAINS PERTANIAN DAN MAKANAN	1	0	0	7	8
22.HOSPITAL PENGAJAR UPM	0	0	0	0	0
23.INSTITUT BIOSAINS	0	0	0	1	1
24.INSTITUT KAJIAN DASAR PERTANIAN & MAKANAN	0	0	0	0	0
25.INSTITUT KAJIAN PERLADANGAN	0	0	0	0	0
26.INSTITUT PENGAJIAN SAINS SOSIAL	0	0	0	1	1
27.INSTITUT PENYELIDIKAN MATEMATIK	0	0	0	0	0
28.INSTITUT PENYELIDIKAN PENUAAN MALAYSIA	0	0	0	2	2
29.INSTITUT PENYELIDIKAN PRODUK HALAL	0	0	0	6	6
30.INSTITUT PERHUTANAN TROPIKA DAN PRODUK HUTAN	1	0	0	0	1
31.INSTITUT PERTANIAN TROPIKA DAN SEKURITI MAKANAN	0	0	0	0	0
32.INSTITUT TEKNOLOGI MAJU	0	0	0	0	0
33.JABATAN CANSELERI	0	0	0	0	0
34.KOLEJ CANSELOR	0	0	0	3	3
35.KOLEJ DUA BELAS	1	0	0	1	2
36.KOLEJ EMPAT BELAS	0	0	0	2	2
37.KOLEJ ENAM BELAS	0	0	0	1	1
38.KOLEJ KEDUA	3	0	0	1	4
39.KOLEJ KEENAM	0	0	0	3	3
40.KOLEJ KELIMA	0	0	0	1	1
41.KOLEJ LIMA BELAS	1	0	1	1	3
42.KOLEJ MOHAMAD RASHID	0	0	0	0	0
43.KOLEJ PENDETA ZA'BA	0	0	0	1	1
44.KOLEJ SEBELAS	1	0	0	0	1
45.KOLEJ SEPULUH	0	0	0	0	0

46.KOLEJ SULTAN ALAEDDIN SULEIMAN SHAH	0	0	0	1	1
47.KOLEJ TIGA BELAS	0	0	0	1	1
48.KOLEJ TUJUH BELAS	2	0	0	4	6
49.KOLEJ TUN DR ISMAIL	0	0	0	3	3
50.KOLEJ TUN PERAK	1	0	0	1	2
51.PASUKAN LATIHAN PEGAWAI SIMPANAN	0	0	0	0	0
52.PEJABAT BURSAR	1	1	0	49	51
53.PEJABAT NAIB CANSELOR	3	5	3	14	25
54.PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET	11	0	0	1	12
55.PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG	0	0	0	0	0
56.PEJABAT PENDAFTAR	2	0	0	19	21
57.PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)	0	0	0	3	3
58.PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)	0	0	0	0	0
59.PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)	0	0	0	0	0
60.PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT)	0	0	0	1	1
61.PENERBIT	0	0	0	6	6
62.PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD	1	0	0	4	5
63.PUSAT ALUMNI	1	0	2	2	5
64.PUSAT ANTARABANGSA	0	0	0	0	0
65.PUSAT ASASI SAINS PERTANIAN	0	0	0	14	14
66.PUSAT ISLAM	0	0	0	0	0
67.PUSAT JAMINAN KUALITI	0	1	0	0	1
68.PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH	0	0	0	0	0
69.PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI	7	2	0	8	17
70.PUSAT KOKURIKULUM DAN PEMBANGUNAN PELAJAR	0	1	0	1	2
71.PUSAT PEMAJUAN KOMPETENSI BAHASA	0	0	0	0	0
72.PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK	110	4	0	54	168
73.PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KEBOLEHPASARAN GRADUAN	0	0	0	2	2
74.PUSAT PEMBANGUNAN MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	6	0	0	5	11
75.PUSAT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN	0	0	0	0	0
76.PUSAT PENDIDIKAN LUAR	0	0	0	0	0
77.PUSAT PENGIMEJAN DIAGNOSTIK NUKLEAR	0	0	0	2	2
78.PUSAT PENGURUSAN WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN	0	0	0	0	0
79.PUSAT SUKAN	1	0	0	5	6
80.PUSAT SUMBER DAN PENDIDIKAN KANSER	0	0	0	1	1
81.PUSAT TRANSFORMASI KOMUNITI UNIVERSITI	0	0	0	1	1
82.SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH	11	1	0	79	91
83.TAMAN PERTANIAN UNIVERSITI	0	0	2	8	10
84.UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	6	0	0	49	55
JUMLAH KESELURUHAN	**276**	**26**	**18**	**758**	**1078**

Nota: Tempoh 1 Julai 2016 sehingga 15 Ogos 2017
***Data dikemaskini pada 16 Ogos 2017**

Kesimpulan:

i) Lima PTJ yang mendapat jumlah maklum balas yang paling tinggi adalah:

1. Bahagian Akademik (270)
2. Pusat Pembangunan Akademik (168)
3. Sekolah Pengajian Siswazah (91)

ii) Bahagian Akademik menerima maklum balas jenis pertanyaan yang tertinggi iaitu sebanyak 242 dan kebanyakan pertanyaan adalah mengenai kemasukan dan permohonan masuk ke UPM. Manakala aduan yang paling banyak diterima adalah di Pusat Pembangunan Akademik sebanyak 110 aduan.

Cadangan penambahbaikan

Maklum balas yang diterima oleh Universiti Putra Malaysia diselia dan dijawab oleh Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, Pejabat Naib Canselor. Maklum Balas yang diterima lebih umum dan perlu dikendalikan oleh operator universiti sebelum dimajukan ke pihak yang berkenaan sama ada melalui melalui sistem atau secara manual. Terdapat juga maklum balas yang berkaitan dengan entiti lain yang tiada di dalam sistem contohnya pertanyaan dan aduan berkaitan UPM Holdings, UPM Education & Training dan UPM Services. Maka, dicadangkan sistem juga boleh diluaskan capaian kepada Pegawai Khidmat Pelanggan UPMH.

Syor

Ahli Mesyuarat Kajian Semakan Pengurusan (MKSP) dengan segala hormatnya dipohon untuk mengambil maklum Laporan Maklum Balas Pelanggan bagi tempoh 1 Julai 2016 sehingga 15 Ogos 2017.

AGENDA 6.2: MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN

1. Tujuan

Laporan Maklum balas Pihak Berkepentingan Tahun dikemukakan bagi mendapatkan perhatian dan pertimbangan Mesyuarat Kajian Semakan Pengurusan Universiti berhubung dapatan Kajian Laporan Pengesanan Graduan Tahun 2016.

2. Latar Belakang

UPM telah menentukan pihak berkepentingan yang relevan dengan SPK dan mengenalpasti keperluan mereka yang relevan terhadap SPK UPM, bagi memastikan produk dan perkhidmatan dapat disediakan secara konsisten serta memenuhi keperluan pelanggan dan perundangan.

Pihak berkepentingan yang relevan dengan SPK dan keperluan mereka yang relevan akan dipantau dan disemak secara berkala. Pihak berkepentingan yang relevan dengan SPK dan keperluan mereka yang relevan terhadap SPK UPM telah dikenalpasti sebagaimana di **Lampiran 1A**

Walau bagaimanapun, bagi laporan ini akan memfokuskan keperluan majikan dengan kerelevan bidang pengajian dan kerjaya pelajar. Maklumat yang diperolehi daripada Kajian Laporan Pengesanan Graduan Tahun 2016 dapat menilai sejauh mana keberkesanan aktiviti dan juga program pengajian universiti untuk kebolehpasaran graduan UPM selepas tamat pengajian.

Dapatan Kajian Laporan Pengesanan Graduan Tahun 2016 telah menunjukkan UPM berjaya mengekalkan kecemerlangan dalam tahap kebolehpasaran graduan, iaitu 83.5 peratus sehingga Disember 2016. Pencapaian ini jelas membuktikan bahawa graduan UPM tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

3. Pengenalan

Laporan Kajian Pengesanan Graduan UPM 2016 telah dijadikan sebagai sumber rujukan dan informasi kepada maklumbalas keperluan majikan. Hasil kaji selidik ini telah dijalankan kepada graduan UPM pada Konvokesyen ke-40 UPM yang telah berlangsung pada 22 – 25 Oktober 2016.

Soalan-soalan di dalam Kajian Pengesanan Graduan UPM 2016 telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kajian ini bertujuan untuk menentukan kadar kebolehpasaran graduan universiti. Laporan kajian ini akan menerangkan status graduan sama ada mereka telah bekerja, menyambung pengajian, menunggu penempatan, menghadiri kursus kemahiran diri atau tidak bekerja.

Data kajian ini diperoleh daripada graduan yang telah tamat pengajian yang hadir pada minggu konvokesyen. Bagi tahun 2016, kadar responden bagi kajian adalah 92.0% (n=6,624). Tujuan kajian dilakukan adalah untuk meningkatkan kadar responden kajian dan kaedah ini diguna oleh semua universiti atas dasar pelarasan tempoh kajian yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Laporan ini juga dibahagikan kepada beberapa bahagian melalui populasi kajian,skop laporan, dapatan kajian kerelevanan program pengajian, cadangan penambah baikan dan syor.

4. Populasi Kajian

Mengikut Rajah 1, jumlah graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk Konvokesyen ke-40 yang telah diadakan pada 22 - 25 Oktober 2016 adalah seramai 7,197. Hanya 92.0% (n=6,624) daripada jumlah graduan tersebut yang telah menjadi responden Kajian Pengesanan Graduan 2016.



Rajah 1 : Populasi Kajian

5. Skop laporan

Laporan ini hanya akan memfokuskan kepada skop dapatan kerelevanan program pengajian dengan kerjaya mengikut program yang di tawarkan oleh setiap fakulti pada tahun 2016. Penumpuan dapatan kajian ini dengan menambilkira pandangan reponden yang telah bekerja dengan majikan.

6. Dapatan kajian mengikut Fakulti

6.1 Fakulti Pertanian

Jadual 1 menerangkan sejauh mana program pengajian membantu dalam pekerjaan graduan. Seramai 66 orang graduan (43.1%) menyatakan program pengajian membantu, manakala seramai 49 orang graduan (32%) menyatakan program pengajian amat membantu dalam pekerjaan sekarang. Akan tetapi, seramai 10 orang graduan (6.5%) telah menyatakan bahawa program pengajian amat tidak membantu dalam pekerjaan sekarang. Secara umum, majoriti graduan masih mengakui bahawa program sedia ada di Fakulti Pertanian masih lagi relevan untuk pasaran kerja, terutamanya program Sains (Perniagaantani).

Jadual 1 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FP dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
FP	Bacelor Pertanian (Akuakultur)	4	4	5	2	15
		26.7%	26.7%	33.3%	13.3%	100.0%
	Bacelor Pertanian (Sains ternakan)	1	3	12	15	31
		3.2%	9.7%	38.7%	48.4%	100.0%
	bacelor Sains (Perniagaantani)	2	5	13	6	26
		7.7%	19.2%	50.0%	23.1%	100.0%
	Bacelor sains hortikultur	1	5	9	7	22
		4.5%	22.7%	40.9%	31.8%	100.0%
	bacelor sains pertanian	2	11	27	19	59
		3.4%	18.6%	45.8%	32.2%	100.0%
	Jumlah	10	28	66	49	153
		6.5%	18.3%	43.1%	32.0%	100.0%

Peratusan graduan FP yang berjaya mendapat pekerjaan adalah baik. Bagaimana pun indikator ini masih jauh dari sasaran 80% kebolehpasaran graduan. Dari aspek kerelevanan program pengajian yang ditawarkan, para graduan masih mengakui bahawa ilmu pengajian yang diperoleh membantu mereka dalam kerjaya.

6.2 Fakulti Perhutanan

Jadual 2 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 35 orang graduan (53.8%) menyatakan bahawa program pengajian banyak membantu mereka dalam pekerjaan. Graduan fakulti ini mengakui bahawa program pengajian yang diikuti dalam kampus adalah sesuai dan membantu mereka dalam dunia pekerjaan.

Jadual 2 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FH dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan Dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
FH	Bacelor Sains Perhutanan	0	6	11	9	26
		0.0%	23.1%	42.3%	34.6%	100.0%
	Bacelor Sains Taman dan Rekreasi	1	2	14	5	22
		4.5%	9.1%	63.6%	22.7%	100.0%
	Bacelor Sains Teknologi Kayu - Pengurusan Industri Perkayuan	0	0	1	1	2
		0.0%	0.0%	50.0%	50.0%	100.0%
	Bacelor Sains Teknologi Kayu - Teknologi Biokomposit	0	5	9	1	15
		0.0%	33.3%	60.0%	6.7%	100.0%
	Jumlah	1	13	35	16	65
		1.5%	20.0%	53.8%	24.6%	100.0%

Sesuatu yang positif tentang graduan fakulti ini, mereka mendapat pekerjaan dalam jangka masa relative cepat. Indikator ini memberi petanda graduan FP tidak menunggu terlalu lama untuk mendapat pekerjaan. Para graduan masih mengakui bahawa ilmu pengajian yang diperoleh membantu mereka dalam kerjaya.

6.3 Fakulti Perubatan Veterinar

Jadual 3 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa majoriti graduan menyatakan bahawa program pengajian banyak membantu mereka dalam pekerjaan. Oleh itu, berdasarkan pandangan graduan dalam kajian ini, kandungan program pengajian Doktor Perubatan Veterinar masih relevan dengan pasaran.

Jadual 3 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FPV dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**			**Jumlah**
		Tidak Membantu	**Membantu**	**Amat Membantu**	
FPV	Doktor Perubatan Veterinar	3	18	56	77
		3.9%	23.4%	72.7%	100.0%
	Jumlah	3	18	56	77
		3.9%	23.4%	72.7%	100.0%

Graduan fakulti ini telah mendapat pekerjaan pada kadar yang baik dan sesuai dengan profesion mereka. Ramai dalam kalangan mereka yang bekerja dengan pihak swasta dan melaksanakan usaha sendiri, malah tempoh mereka mendapat pekerjaan adalah singkat. Graduan ini juga mengakui bahawa program pengajian yang diikuti semasa di kampus adalah bersesuaian dengan kehendak pasaran kerana amat membantu mereka dalam kerjaya masing-masing.

6.4 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Jadual 4 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 101 orang graduan (67.3%) menyatakan bahawa program pengajian banyak membantu mereka dalam pekerjaan. Taburan menunjukkan graduan ini berpendapat bahawa program pengajian yang pernah mereka ikuti hanya ditahap membantu dan sangat kurang sekali yang menyatakan amat membantu. Malah, untuk program Bacelor Ekonomi-Ekonomi Pembangunan, terdapat graduan yang menyatakan bidang pengajian mereka tidak membantu (66.7%).

Jadual 4 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FEP dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FEP	Bacelor Ekonomi - Ekonomi Kewangan	1	2	17	4	24
		4.2%	8.3%	70.8%	16.7%	100.0%
	Bacelor Ekonomi - Ekonomi Pembangunan	0	2	1	0	3
		0.0%	66.7%	33.3%	0.0%	100.0%
	Bacelor Ekonomi - Ekonomi Sumber dan Alam Sekitar	0	0	2	1	3
		0.0%	0.0%	66.7%	33.3%	100.0%
	Bacelor Ekonomi - Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa	0	4	7	4	15
		0.0%	26.7%	46.7%	26.7%	100.0%
	Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Keusahawan	0	0	7	2	9
		0.0%	0.0%	77.8%	22.2%	100.0%
	Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Kewangan	0	1	11	2	14
		0.0%	7.1%	78.6%	14.3%	100.0%
	Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Pemasaran	0	0	3	1	4
		0.0%	0.0%	75.0%	25.0%	100.0%
	Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Pengurusan Hospitaliti dan Rekreasi	0	1	4	1	6
		0.0%	16.7%	66.7%	16.7%	100.0%
	Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Pengurusan Sumber Manusia	0	0	13	1	14
		0.0%	0.0%	92.9%	7.1%	100.0%
	Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Perniagaan Antarabangsa	0	1	3	1	5
		0.0%	20.0%	60.0%	20.0%	100.0%
	Bacelor Perakaunan	0	4	33	16	53
		0.0%	7.5%	62.3%	30.2%	100.0%
	Jumlah	1	15	101	33	150
		.7%	10.0%	67.3%	22.0%	100.0%

Secara umum, keseluruhan graduan fakulti ini belum mancapai tahap 80% mendapat pekerjaan. Bagaimana pun terdapat Program Bacelor Pentadbiran Perniagaan – Kewangan lebih laku di pasaran kerjaya berbanding program lain. Dari segi sektor pekerjaan, program Bacelor Pentadbiran Perniagaan - Pengurusan Hospitaliti dan Rekreasi lebih menonjol terlibat dalam sektor swasta multi-nasional. Pendapatan bulanan yang diterima oleh graduan ini secara relatifnya adalah agak rendah berbanding kos sara hidup dalam konteks sekarang. Terdapat para graduan (walau pun sedikit) Bacelor Ekonomi-Ekonomi Pembangunan menyatakan bahawa program pengajian mereka tidak membantu mereka dalam konteks kerjaya. Oleh itu, fakulti wajar mengambil perhatian terhadap kerelevanan program ini.

6.5 Fakulti Kejuruteraan

Jadual 5 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 108 orang graduan (57.8%) menyatakan bahawa program pengajian banyak membantu mereka dalam pekerjaan. Graduan Bacelor Kejuruteraan (Kimia) paling ramai berpandangan bahawa program yang mereka ikuti di fakulti ini mambantu mereka dalam pekerjaan.

Jadual 5 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FK dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FK	Bacelor Kejuruteraan (Aeroangkasa)	2	3	3	3	11
		18.2%	27.3%	27.3%	27.3%	100.0%
	Bacelor Kejuruteraan (Awam)	0	1	17	13	31
		0.0%	3.2%	54.8%	41.9%	100.0%
	Bacelor Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik)	0	4	11	2	17
		0.0%	23.5%	64.7%	11.8%	100.0%
	Bacelor Kejuruteraan (kimia)	0	3	18	1	22
		0.0%	13.6%	81.8%	4.5%	100.0%
	Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal)	0	2	11	8	21
		0.0%	9.5%	52.4%	38.1%	100.0%
	Bacelor kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem)	2	4	18	6	30
		6.7%	13.3%	60.0%	20.0%	100.0%
	Bacelor Kejuruteraan (Proses dan Makanan)	1	7	14	6	28
		3.6%	25.0%	50.0%	21.4%	100.0%
	Bacelor Kejuruteraan (Sistem Komputer dan Komunikasi)	0	2	16	9	27
		0.0%	7.4%	59.3%	33.3%	100.0%
	Jumlah	5	26	108	48	187
		2.7%	13.9%	57.8%	25.7%	100.0%

Secara keseluruhan, Graduan mengakui bahawa kursus yang dipelajari membantu mereka dalam kerjaya. Bagaimana pun, masih agak ramai graduan ini yang belum bekerja kerana sedang berusaha mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan mereka.

6.6 Fakulti Pengajian Pendidikan

Fakulti	Program Pengajian	Taraf Pekerjaan					Jumlah
		Tetap	Kontrak	Sementara	Bekerja sendiri	Bekerja dengan keluarga	
FPP	Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)	0	0	8	1	0	9
		0.0%	0.0%	88.9%	11.1%	0.0%	100.0%
	Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)	1	2	7	0	1	11
		9.1%	18.2%	63.6%	0.0%	9.1%	100.0%
	Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua)	2	9	4	0	1	16
		12.5%	56.3%	25.0%	0.0%	6.3%	100.0%
	Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)	0	2	5	0	1	8
		0.0%	25.0%	62.5%	0.0%	12.5%	100.0%
	Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian)	0	2	8	0	0	10
		0.0%	20.0%	80.0%	0.0%	0.0%	100.0%
	Bacelor Pendidikan (Sains Rumahtangga)	0	4	8	1	1	14
		0.0%	28.6%	57.1%	7.1%	7.1%	100.0%
	Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	8	7	7	1	1	24
		33.3%	29.2%	29.2%	4.2%	4.2%	100.0%
	Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan	3	0	0	0	0	3
		100.0 %	0.0%	0.0%	0.0%	0.0%	100.0%
	Jumlah	14	26	47	3	5	95
		14.7%	27.4%	49.5%	3.2%	5.3%	100.0%

Dapat dirumuskan, kajian ini mendapati graduan fakulti ini tidak menjurus kepada pekerjaan bidang pendidikan semata-mata, sebaliknya turut bekerja dalam sektor lain seperti aktiviti perkhidmatan lain dan perdagangan jual borong dan jual Runcit dan pembaikan kenderaan. Sehingga ada dalam kalangan mereka mendapat jumlah gaji yang rendah. Dari aspek graduan yang belum mendapat pekerjaan, ramai dalam kalangan mereka masih mencari pekerjaan.

6.7 Fakulti Sains

Jadual 7 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 64 orang graduan (48.5%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan. Separuh daripada graduan Bacelor Sains (Kepujian) - Kimia Perindustrian, menyatakan pengetahuan mereka tidak dan amat tidak membantu kerjaya merekan (50.0%).

Jadual 7 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FS dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
FS	Bacelor Sains (kepujian) - Biologi	1	5	6	4	16
		6.3%	31.3%	37.5%	25.0%	100.0%
	Bacelor Sains (kepujian) - Fizik	0	3	6	3	12
		0.0%	25.0%	50.0%	25.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Kimia	1	2	4	4	11
		9.1%	18.2%	36.4%	36.4%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Kimia Perindustrian	2	8	7	3	20
		10.0%	40.0%	35.0%	15.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Kimia Petroleum	0	5	12	3	20
		0.0%	25.0%	60.0%	15.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Matematik	1	1	9	2	13
		7.7%	7.7%	69.2%	15.4%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Sains Bahan	2	4	6	1	13
		15.4%	30.8%	46.2%	7.7%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Sains Instrumentasi	1	5	4	1	11
		9.1%	45.5%	36.4%	9.1%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) - Statistik	0	4	10	2	16
		0.0%	25.0%	62.5%	12.5%	100.0%
	Jumlah	8	37	64	23	132
		6.1%	28.0%	48.5%	17.4%	100.0%

6.8 Fakuti Sains dan Teknologi Makanan

Jadual 8 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 54 orang graduan (77.2%) menyatakan bahawa program pengajian telah amat membantu mereka dalam pekerjaan. Bagaimanapun seramai 10 orang (29.4%) graduan program Bacelor Sains dan Teknologi Makanan menyatakan bidang pengajian mereka masih tidak dan amat tidak membantu kerjaya mereka.

Jadual 8 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FSTM dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FSTM	Bacelor Sains (Pengajian Makanan) - Pengurusan Makanan	0	5	12	6	23
		0.0%	21.7%	52.2%	26.1%	100.0%
	Bacelor Sains (Pengurusan Perkhidmatan Makanan)	1	0	7	5	13
		7.7%	0.0%	53.8%	38.5%	100.0%
	Bacelor Sains dan Teknologi Makanan	2	8	8	16	34
		5.9%	23.5%	23.5%	47.1%	100.0%
	Jumlah	3	13	27	27	70
		4.3%	18.6%	38.6%	38.6%	100.0%

6.9 Fakulti Ekologi Manusia

Jadual 9 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 50 orang graduan (52.6%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan. Tetapi masih terdapat graduan program Bacelor Pengajian Pengguna (29.6%) dan Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan (30.0%) mengakui program mereka tidak membantu kerjaya masing-masing.

Jadual 9 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FEM dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian			Jumlah
		Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FEM	Bacelor Muzik (Persembahan Muzik)	0	4	5	9
		0.0%	44.4%	55.6%	100.0%
	Bacelor Pengajian Pengguna	8	12	7	27
		29.6%	44.4%	25.9%	100.0%
	Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan)	6	12	2	20
		30.0%	60.0%	10.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat)	4	7	1	12
		33.3%	58.3%	8.3%	100.0%
	Bacelor Sains (Pembangunan	4	15	8	27

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian			Jumlah
		Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
	Manusia)	14.8%	55.6%	29.6%	100.0%
	Jumlah	22	50	23	95
		23.2%	52.6%	24.2%	100.0%

Graduan fakulti ini tidak cenderung bekerja dengan agensi kerajaan kerana ramai mereka terlibat dengan pihak swasta tempatan walaupun gaji yang diterima diantara kurang daripada RM2500. Graduan ini mendapat pekerjaan dari sumber rakan dan keluarga kerana individu ini adalah pihak yang paling mudah dan segera untuk mendapatkan maklumat pekerjaan berbanding agensi mencari pekerjaan yang lain kecuali internet. Manakala graduan yang belum mendapat pekerjan juga agak ramai kerana sebahagian besar dari mereka masih di peringkat mencari pekerjaan.

6.10 Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Jadual 10 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 76 orang graduan (36.2%) menyatakan bahawa program pengajian amat membantu mereka dalam pekerjaan. Ini bermakna, kebanyakan program pengajian di fakulti ini dianggap relevan oleh graduan ini dengan kerjaya masing-masing.

Jadual 10 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FBMK dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
	Bacelor Komunikasi - Kewartawanan	0	1	7	2	10
		0.0%	10.0%	70.0%	20.0%	100.0%
	Bacelor Komunikasi - Komunikasi Kemanusiaan	0	2	3	6	11
		0.0%	18.2%	27.3%	54.5%	100.0%
	Bacelor Komunikasi - Komunikasi Korporat	0	2	9	5	16
		0.0%	12.5%	56.3%	31.3%	100.0%
	Bacelor Komunikasi - Penyiaran	0	2	7	4	13
		0.0%	15.4%	53.8%	30.8%	100.0%
	Bacelor Sastera (Bahasa Asing) - Bahasa Arab	0	1	14	12	27

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FBMK		0.0%	3.7%	51.9%	44.4%	100.0%
	Bacelor Sastera (Bahasa Asing) - Bahasa Jerman	0	6	4	2	12
		0.0%	50.0%	33.3%	16.7%	100.0%
	Bacelor Sastera (Bahasa Asing) - Bahasa Mandarin	1	5	9	8	23
		4.3%	21.7%	39.1%	34.8%	100.0%
	Bacelor Sastera (Bahasa Asing) - Bahasa Perancis	2	3	4	4	13
		15.4%	23.1%	30.8%	30.8%	100.0%
	Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu)	2	5	9	8	24
		8.3%	20.8%	37.5%	33.3%	100.0%
	Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris)	0	4	13	13	30
		0.0%	13.3%	43.3%	43.3%	100.0%
	Bacelor Sastera (Kesusasteraan Inggeris)	0	5	7	5	17
		0.0%	29.4%	41.2%	29.4%	100.0%
	Bacelor Sastera (Kesusasteraan Melayu)	0	2	5	7	14
		0.0%	14.3%	35.7%	50.0%	100.0%
	Jumlah	5	38	91	76	210
		2.4%	18.1%	43.3%	36.2%	100.0%

Kajian memberi gambaran bahawa separuh dari graduan fakulti ini mendapat pekerjaan sama ada sebagai pekerja tetap, kontrak dan sementara. Bagaimana pun jumlah graduan yang belum bekerja juga agak ramai. Ramai kalangan graduan ini bekerja di sektor pendidikan walau pun mereka tidak memiliki ijazah rasmi dalam bidang tersebut, malah terdapat graduan berkerja di bidang perkeranian sokongan. Ini memberi gambaran bahawa graduan fakulti ini agak kurang mendapat kerja sesuai dengan bidang pengkhususan yang diikuti semasa berada di kampus.

6.11 Fakulti Rekabentuk dan Seinibina

Jadual 11 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 45 orang graduan (53.6%) menyatakan bahawa program pengajian amat membantu mereka dalam pekerjaan.

Jadual 11 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FRSB dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
FRSB	Bacelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian)	0	2	5	13	20
		0.0%	10.0%	25.0%	65.0%	100.0%
	Bacelor Sains Seni Bina	0	1	10	13	24
		0.0%	4.2%	41.7%	54.2%	100.0%
	Bacelor Senibina	1	0	5	9	15
		6.7%	0.0%	33.3%	60.0%	100.0%
	Bacelor Senibina Landskap	1	6	8	10	25
		4.0%	24.0%	32.0%	40.0%	100.0%
	Jumlah	2	9	28	45	84
		2.4%	10.7%	33.3%	53.6%	100.0%

Dapat dirumuskan bahawa graduan fakulti ini agak ramai mendapat pekerjaan yang tetap dengan jumlah gaji bulanan sesuai dengan kelayakan mereka. Ramai dalam kalangan mereka juga bekerja dengan pihak swasta tempatan dan multi-nasional. Ini memberi petanda bahawa graduan ini mendapat sambutan dari pihak bukan agensi kerajaan kerana faktor kerelevanan program ini dengan keperluan pasaran kerja seperti yang diakui oleh graduan sendiri. Selain itu, bagi graduan yang menyambung pengajian merupakan mereka yang amat menyedari kepentingan ilmu yang lebih mendalam dan untuk meningkat status mereka demi kerjaya masa depan.

6.12 Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Jadual 12 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 60 orang graduan (56.1%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan. Graduan ini mengakui bahawa program pengajian mereka di fakulti ini adalah relevan dengan kerjaya masing-masing.

Jadual 12 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FPSK dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FPSK	Bacelor Kejururawatan	0	1	6	0	7
		0.0%	14.3%	85.7%	0.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Dietetik)	0	0	6	3	9
		0.0%	0.0%	66.7%	33.3%	100.0%
	Bacelor Sains (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)	0	0	11	8	19
		0.0%	0.0%	57.9%	42.1%	100.0%
	Bacelor Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti)	0	4	17	7	28
		0.0%	14.3%	60.7%	25.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Sains Bioperubatan)	2	7	5	4	18
		11.1%	38.9%	27.8%	22.2%	100.0%
	Doktor Perubatan	3	1	15	7	26
		11.5%	3.8%	57.7%	26.9%	100.0%
	Jumlah	5	13	60	29	107
		4.7%	12.1%	56.1%	27.1%	100.0%

Secara umum graduan fakulti ini masih ramai yang sedang menunggu penempatan kerja ketika kajian ini sedang dijalankan. Bagaimana pun graduan Doktor Perubatan kebanyakannya telah bekerja di agensi kerajaan dengan gaji yang bersesuaian dengan kelayakan mereka. Sebaliknya graduan Bacelor Kejururawatan lebih tertumpu kepada bekerja sementara dan kontrak di agensi Pertubuhan Bukan Kerajaan. Graduan yang telah bekerja menyatakan bahawa mereka mendapat kerja melalui saluran keluarga dan rakan sejurus menamatkan pengajian. Mereka juga berpendapat bahawa pengetahuan dari program pengajian yang telah mereka ikuti masih relevan dan membantu kerjaya mereka.

6.13 Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Jadual 13 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 55 orang graduan (50.9%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan. Secara umum, data ini menunjukkan bahawa program yang ditawarkan oleh fakulti ini adalah masih relevan dengan keperluan pasaran.

Jadual 13 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FSKTM dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FSKTM	Bacelor Sains Komputer - Kejuruteraan Perisian	1	3	20	5	29
		3.4%	10.3%	69.0%	17.2%	100.0%
	Bacelor Sains Komputer - Multimedia	0	4	12	4	20
		0.0%	20.0%	60.0%	20.0%	100.0%
	Bacelor Sains Komputer - Rangkaian Komputer	3	4	11	14	32
		9.4%	12.5%	34.4%	43.8%	100.0%
	Bacelor Sains Komputer - Sistem Komputer	0	2	12	13	27
		0.0%	7.4%	44.4%	48.1%	100.0%
	Jumlah	4	13	55	36	108
		3.7%	12.0%	50.9%	33.3%	100.0%

Graduan fakulti ini lebih ramai mendapat pekerjaan berbanding yang belum bekerja. Kebanyakan mereka bekerja dengan agensi swasta tempat dan multi-nasional sebagai pekerja tetap, kontrak dan sementara dengan gaji yang agak baik. Graduan ini juga bekerja di sektor yang relevan dengan pengajian mereka dan mengakui bahawa program pengajian mereka itu sangat membantu mereka dalam meningkatkan kerjaya masing-masing.

6.14 Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

Jadual 14 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 30 orang (57.7%) graduan ini mengakui bahawa program pengajian mereka dapat membantu kerjaya masing-masing. Tetapi sejumlah 22 orang (42.3%) lagi memaklumkan bahawa program mereka tidak membantu kerjaya, terutama pengakuan graduan program Becelor Sains (Kepujian) Biokimia (8 orang).

Jadual 14 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FBSB dengan Pekerjaan

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FBSB	Bacelor Sains (Bioteknologi)	0	0	1	0	1
		0.0%	0.0%	100.0%	0.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) (Biologi Sel dan Molekul)	1	4	6	0	11
		9.1%	36.4%	54.5%	0.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) Biokimia	2	8	5	3	18
		11.1%	44.4%	27.8%	16.7%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) Bioteknologi	2	4	9	0	15
		13.3%	26.7%	60.0%	0.0%	100.0%
	Bacelor Sains (Kepujian) Mikrobiologi	0	1	4	2	7
		0.0%	14.3%	57.1%	28.6%	100.0%
	Jumlah	5	17	25	5	52
		9.6%	32.7%	48.1%	9.6%	100.0%

Secara umum, graduan yang bekerja dan belum bekerja untuk fakulti ini adalah hampir sama. Bagaimana pun graduan yang bekerja agak kurang menjurus kepada bidang pengajian yang pernah pelajari di universiti. Malah ramai dalam kalangan mempunyai status pekerjaan kontrak dan sementara di agensi swasta tempatan dengan gaji yang relatif rendah. Manakala graduan yang tidak mendapat sebarang pekerjaan pula lebih ramai tidak menggunakan saluran rakan dan keluarga untuk mendapatkan kerja berbanding graduan yang telah bekerja. Dapat disimpulkan, graduan fakulti ini masih jauh mencapai sasaran 80% kebolehpasaran graduan.

6.15 Fakulti Pengajian Alam Sekitar

Jadual 15 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 18 orang graduan (40.9%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan.

Jadual 15 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FPAS dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
FPAS	Bacelor Pengurusan Alam Sekitar	0	4	7	3	14
		0.0%	28.6%	50.0%	21.4%	100.0%
	Bacelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar	1	6	11	12	30
		3.3%	20.0%	36.7%	40.0%	100.0%
	Jumlah	1	10	18	15	44
		2.3%	22.7%	40.9%	34.1%	100.0%

Kajian ini merumuskan bahawa jumlah graduan fakulti ini yang bekerja dan tidak bekerja adalah tidak berbeza dengan ketara. Hanya graduan Bacelor Sains dan Teknologi Alam sekitar yang ramai mendapat pekerjaan dan berstatus tetap dan kontrak, terutamanya di agensi swasta tempatan. Terdapat sebilangan graduan ini mendapat tawaran pekerjaan semasa menjalani latihan industri dan dalam tempoh relatif cepat. Bagi graduan yang belum bekerja pula, mereka mengakui bahawa sekarang (dalam tempoh kajian ini dibuat) mereka sedang giat mencari pekerjaan di Internet dan Job Malaysia.

6.16 Fakulti Sains Pertanian dan Makanan

Jadual 16 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 44 orang graduan (46.8%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan. Dapat dirumuskan melalui kajian ini bahawa graduan ini mengakui program pengajian mereka adalah relevan dengan pasaran kerja.

Jadual 16 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan FSPM dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
	Bacelor Sains Bioindustri	1	1	3	6	11
		9.1%	9.1%	27.3%	54.5%	100.0%
	Diploma Kejuruteraan Pertanian	0	0	3	0	3
		0.0%	0.0%	100.0%	0.0%	100.0%
	Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan	1	1	3	6	11
		9.1%	9.1%	27.3%	54.5%	100.0%
	Diploma Pengurusan	2	4	12	4	22

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
FSPM (KAMPUS BINTULU)	Perladangan Makanan	9.1%	18.2%	54.5%	18.2%	100.0%
	Diploma Perhutanan	1	1	5	2	9
		11.1%	11.1%	55.6%	22.2%	100.0%
	Diploma Perikanan	0	1	2	1	4
		0.0%	25.0%	50.0%	25.0%	100.0%
	Diploma Perniagaantani	0	2	11	4	17
		0.0%	11.8%	64.7%	23.5%	100.0%
	Diploma Pertanian	2	3	5	7	17
		11.8%	17.6%	29.4%	41.2%	100.0%
	Jumlah	7	13	44	30	94
		7.4%	13.8%	46.8%	31.9%	100.0%

Secara keseluruhan, hanya segelintir sahaja graduan fakulti ini yang bekerja berbanding yang tidak bekerja. Bagaimana pun, sebenarnya separuh dari mereka melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi kerana ingin meningkatkan kelayakan akademik. Bagi graduan yang belum bekerja, mereka masih terus berusaha mendapatkan pekerjaan melalui saluran internet dan Job Malaysia. Graduan ini juga mengakui bahawa program pengajian mereka adalah relevan dengan bidang kerjaya mereka.

6.17 Sekolah Pengajian Siswazah

Jadual 17 menerangkan bagaimana program pengajian graduan adalah membantu dalam pekerjaan mereka. Jadual menunjukkan bahawa seramai 597 orang graduan (53%) menyatakan bahawa program pengajian membantu mereka dalam pekerjaan. Manakala seramai 23 orang (2%) menyatakan bahawa program pengajian amat tidak membantu dalam mendapatkan pekerjaan. Boleh dikatakan, graduan ini bersetuju bahawa program yang mereka ikuti mengikut bidang masing-masing masih lagi relevan kerana sejumlah 91.9% mereka mengakui program pengajian mereka membantu dan amat membantu kerjaya mereka.

Jadual 17 : Kerelevanan Program Pengajian Graduan SPS dengan Pekerjaan

Fakulti	**Program Pengajian**	**Relevan dengan Bidang Pengajian**				**Jumlah**
		Amat Tidak Membantu	**Tidak Membantu**	**Membantu**	**Amat Membantu**	
SPS	Doktor Falsafah	2	12	68	157	239
		.8%	5.0%	28.5%	65.7%	100.0%
	Doktor Kesihatan Awam	1	0	1	0	2
		50.0%	0.0%	50.0%	0.0%	100.0%
	Master Alam Sekitar	4	2	14	17	37
		10.8%	5.4%	37.8%	45.9%	100.0%
	Master Bahasa Melayu	0	0	1	3	4
		0.0%	0.0%	25.0%	75.0%	100.0%
	Master Ekonomi	3	2	17	17	39
		7.7%	5.1%	43.6%	43.6%	100.0%
	Master Inovasi Dan Rekabentuk Kejuruteraan	1	0	7	8	16
		6.3%	0.0%	43.8%	50.0%	100.0%
	Master Kejuruteraan Air	0	0	1	7	8
		0.0%	0.0%	12.5%	87.5%	100.0%
	Master Kejuruteraan Alam Sekitar	1	1	13	9	24
		4.2%	4.2%	54.2%	37.5%	100.0%
	Master Kejuruteraan Lebuhraya Dan Pengangkutan	0	0	8	4	12
		0.0%	0.0%	66.7%	33.3%	100.0%
	Master Kejuruteraan Sistem Pembuatan	0	0	19	16	35
		0.0%	0.0%	54.3%	45.7%	100.0%
	Master Kejuruteraan Struktur Dan Pembinaan	0	0	10	4	14
		0.0%	0.0%	71.4%	28.6%	100.0%
	Master Keselamatan Dan Pemastian Kualiti Makanan	1	5	7	12	25
		4.0%	20.0%	28.0%	48.0%	100.0%
	Master Keselamatan Proses Dan Pencegahan Kehilangan	0	3	10	6	19
		0.0%	15.8%	52.6%	31.6%	100.0%
	Master Kesihatan Awam	0	0	2	3	5
		0.0%	0.0%	40.0%	60.0%	100.0%
	Master Kesusasteraan Dunia	0	0	4	3	7
		0.0%	0.0%	57.1%	42.9%	100.0%
	Master Komunikasi Korporat	0	1	11	18	30
		0.0%	3.3%	36.7%	60.0%	100.0%
	Master Linguistik Terapan	0	2	3	13	18
		0.0%	11.1%	16.7%	72.2%	100.0%
	Master Patologi	0	0	1	6	7
		0.0%	0.0%	14.3%	85.7%	100.0%
	Master Pembangunan Sumber Manusia	0	3	18	26	47
		0.0%	6.4%	38.3%	55.3%	100.0%

Fakulti	Program Pengajian	Relevan dengan Bidang Pengajian				Jumlah
		Amat Tidak Membantu	Tidak Membantu	Membantu	Amat Membantu	
	Master Penderiaan Jauh Dan Sistem Maklumat Geografi	1	0	0	5	6
		16.7%	0.0%	0.0%	83.3%	100.0%
	Master Pendidikan	0	1	22	65	88
		0.0%	1.1%	25.0%	73.9%	100.0%
	Master Pengurusan Air	0	0	0	2	2
		0.0%	0.0%	0.0%	100.0%	100.0%
	Master Pengurusan Kejuruteraan	1	2	25	19	47
		2.1%	4.3%	53.2%	40.4%	100.0%
	Master Pengurusan Perladangan	0	0	4	4	8
		0.0%	0.0%	50.0%	50.0%	100.0%
	Master Pengurusan Sumber Tanah	0	1	4	8	13
		0.0%	7.7%	30.8%	61.5%	100.0%
	Master Pengurusan Teknologi Alam Sekitar	0	0	6	2	8
		0.0%	0.0%	75.0%	25.0%	100.0%
	Master Perancangan Dan Respons Kecemasan	0	1	1	4	6
		0.0%	16.7%	16.7%	66.7%	100.0%
	Master Perubatan Veterinar	0	0	0	1	1
		0.0%	0.0%	0.0%	100.0%	100.0%
	Master Sains	7	27	116	114	264
		2.7%	10.2%	43.9%	43.2%	100.0%
	Master Sains Komputer	0	2	21	12	35
		0.0%	5.7%	60.0%	34.3%	100.0%
	Master Sains Veterinar	0	0	1	1	2
		0.0%	0.0%	50.0%	50.0%	100.0%
	Master Sastera	1	1	8	15	25
		4.0%	4.0%	32.0%	60.0%	100.0%
	Master Senibina Landskap	0	2	3	2	7
		0.0%	28.6%	42.9%	28.6%	100.0%
	Master Statistik Gunaan	0	0	5	4	9
		0.0%	0.0%	55.6%	44.4%	100.0%
	Master Teknologi Makanan	0	0	7	10	17
		0.0%	0.0%	41.2%	58.8%	100.0%
	Jumlah	23	68	438	597	1126
		2.0%	6.0%	38.9%	53.0%	100.0%

Graduan pengajian siswazah memang telah sedia bekerja semasa mereka menyambung pengajian. Bagaimana pun, terdapat juga graduan Doktor Falsafah yang masih belum bekerja. Ada dalam kalangan mereka yang belum bekerja ini menyatakan bahawa mereka sedang mencari kerja, faktor tanggungjawab keluarga, malah ingin berehat seketika. Dalam kalangan yang mendapat kerja pula, ramai diantaranya bekerja tetap dengan sektor kerajaan dan bertaraf professional. Graduan program pengajian siswazah juga mengakui bahawa kemajuan kerjaya mereka dapat dibantu oleh ilmu yang mereka peroleh melalui pengajian masing-masing. Dari aspek ini, dapat dirumuskan bahawa pengajian siswazah yang ditawarkan oleh SGS masih relevan dengan keperluan semasa.

KESIMPULAN, APLIKASI DAN CADANGAN

Secara keseluruhan laporan Kajian Pengesanan Graduan 2016, kadar kebolehpasaran graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi tempoh 4 bulan pertama adalah 76.3%. Mengikut kajian susulan pada bulan Disember 2016 selama dua minggu, kadar kebolehpasaran graduan universiti telah meningkat kepada 83.5%.

Bagi tahun 2016, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menetapkan 'Petunjuk Aras (Key Perfor-mance Indicator –KPI)' kebolehdapatan pekerjaan (Graduate Employability) bagi Universiti Awam (UA) sebanyak 80.0%. Mengikut definisi Graduate Employability Blueprint yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kadar kebolehdapatan pekerjaan graduan universiti diukur dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Maka, dapatan kajian susulan bagi kadar kebolehdapatan pekerjaan graduan universiti telah menca-pai 'Petunjuk Aras (Key Performance Indicator –KPI)' yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Cadangan penambahbaikan

i) Membangunkan soal selidik kajian yang dapat mencakupi keseluruhan keperluan pihak berkepentingan seperti di lampiran H dan bersesuaian denagan kehendak peneraju proses.
ii) Melaksanakan kajian keperluan pihak berkepentingan terhadap peneraju proses utama.

SYOR:

Ahli Mesyuarat Kajian Semakan Pengurusan (MKSP) dengan segala hormatnya dipohon untuk mengambil maklum Laporan Pihak Berkepentingan bagi tahun 2016.

LAMPIRAN 1A

A. PEJABAT NAIB CANSELOR

Pihak Berkepentingan	Keperluan Relevan Mereka Terhadap SPK Organisasi
1. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	Pematuhan penggunaan lesen/ Sijil Perakuan Kelayakan Mesin/Jentera
2. Jabatan Alam Sekitar Malaysia	Pematuhan penggunaan lesen mencemar
3. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Pematuhan penggunaan Sijil Perakuan Alat Pemadam Api dan *Fire Certificate* (FC) bangunan
4. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Pematuhan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN)
5 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Pematuhan terhadap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), Kod Amalan Akreditasi Program(COPPA), Kod Amalan Audit Institusi (COPIA), Garis Panduan Amalan Terbaik (GGP), Standard Program (SP) dan Standard
6. Pembekal/ Kontraktor Pengurusan Pelupusan Sisa Terjadual	Pembayaran mengikut jadual
7. Komuniti Setempat	1. Alam sekitar yang selamat dan bersih 2. Maklumat tentang kemudahan pembayaran zakat dan wakaf 3. Mendapat bantuan kewangan dengan segera dan mencukupi dalam memenuhi keperluan kehidupan
8. Ibu bapa/penjaga bakal pelajar	Maklumat kurikulum program yang terkini (program yang telah diakreditasi)
9. Jabatan Audit Negara	Pematuhan kepada keperluan pekeliling dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa
10. Syarikat penyiaran (Kerajaan dan Swasta)	Maklumat semasa (daripada aspek bidang kepakaran)
11. Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Pejabat Kesihatan Daerah	Pematuhan terhadap undang-undang tempatan(penggantungan gegantung (*bunting*), lesen perniagaan, pembuangan sisa domestik, kompaun kesihatan)
12. Biro Aduan Awam	Pematuhan terhadap pengendalian maklum balas pelanggan mengikut peraturan dan jangkamasa yang ditetapkan

13. Dewan Negara dan Dewan Rakyat	Penyediaan jawapan balas kepada pihak Parlimen(sekiranya diperlukan)
14. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Pematuhan terhadap Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694)
15. Badan Pensijilan	Pematuhan terhadap keperluan standard
16. Lembaga Zakat Selangor (LZS)	1. Pematuhan terhadap pelaksanaan kutipan zakat dan penerima sumbangan 2. Pematuhan perjanjian yang telah ditetapkan di antara UPM sebagai penolong amil dengan pihak LZS
17. Perbadanan Wakaf Selangor(PWS)	Pematuhan perjanjian yang telah ditetapkan di antara UPM sebagai mutawali dengan pihak PWS
18. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	Pematuhan terhadap fatwa semasa

B. PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) – PENGAJIAN PRAUNIVERSITI

Pihak Berkepentingan	**Keperluan Relevan Mereka Terhadap SPK Organisasi**
1.Kementerian Pendidikan Tinggi(KPT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)
2.Komuniti Setempat	Penginapan, sosial dan ekonomi setempat
3.Ibu bapa/penjaga pelajar/bakal pelajar	Pelajar yang berilmu dan berbakti
4.Media massa	Maklumat semasa (dari segi bidang kepakaran)
5.Penaja	Pencapaian matlamat tajaan melalui penghasilan pelajar yang berilmu dan berbakti
6.Badan akreditasi	Pematuhan piawaian akreditasi

C. PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) – PENGAJIAN PRASISWAZAH

Pihak Berkepentingan	Keperluan Relevan Mereka Terhadap SPK Organisasi
1.Kementerian Pendidikan Tinggi(KPT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)
2.Komuniti Setempat	Penginapan, sosial dan ekonomi setempat
3.Ibu bapa/penjaga pelajar/bakal pelajar	Graduan yang berilmu dan berbakti
4.Media massa	Maklumat semasa (dari segi bidang kepakaran)
5.Penaja	Pencapaian matlamat tajaan melalui penghasilan graduan yang berilmu dan berbakti
6.Majikan/Alumni	Graduan yang memenuhi ekspektasi majikan dan matlamat *Program Educational Outcomes* (PEO)
7.Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain	Graduan UPM sebagai pelajar berpotensi untuk melanjutkan pengajian
8.Badan akreditasi	Pematuhan piawaian akreditasi

D. PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) – PENGAJIAN SISWAZAH

Pihak Berkepentingan	Keperluan Relevan Mereka Terhadap SPK Organisasi
1. Penaja (Kumpalan Wang Simpanan Pekerja (KWSP))	Pulangan pelaburan Kepada pembiayaan pendahuluan
2. Kementerian berkaitan (Kementerian Pendidikan Tinggi(KPT) / Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) /Kementerian Dalam Negeri (KDN))	Menepati *Blueprint* Pengajian Tinggi
3. Agen	Keuntungan daripada bilangan pelajar
3. LAPORAN

Laporan status kawalan ketakakuran bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti pada **Lampiran 1.**

4. SYOR

Ahli MKSP UPM dimohon mengambil maklum status kawalan ketakakuran bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001 bagi tempoh pelaporan 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

Lampiran 1

AGENDA 8.1: STATUS KAWALAN KETAKAKURAN

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

[√] **QMS** [ ] **ISMS** [ ] **EMS**

Nota: Kawalan Ketakakuran - langkah-langkah untuk mengenalpasti, mengawal dan mengendalikan ketakakuran yang boleh atau berpotensi menyebabkan kelemahan dalam Sistem Pengurusan ISO

Bil	Kenyataan Ketakakuran	Kaedah Kawalan Ketakakuran	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	Didapati Petunjuk Prestasi Utama KPI JINM UPM tahun 2016 tidak mencapari sasaran iaitu: Bil 1 (ii) Bilangan Jaringan Industri Berimpak Tinggi 5 Bintang. Pencapaian prestasi KPI tersebut adalah 50 jaringan (90.91%) daripada 55 jaringan industri berimpak tinggi yang disasarkan pada 2016. **Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)**	Kaedah Kawalan: Ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan. Ini berlaku akibat faktor luar kawalan dari segi kewangan dan ekonomi semasa dan memberi kesan ke atas pendanaan. Walau bagaimana pun pejabat TNCJINM bersama CiRNeT telah mengadakan *roadshow* berjumpa dengan semua PTJ untuk memantapkan lagi bilangan jaringan industri berimpak tinggi (5 bintang). Pencapaian 2016 sebanyak 50 bilangan industri berimpak tinggi adalah satu lonjakan yang tinggi berbanding hanya 27 pada tahun 2015.	Jan - Mac 2017	[√] Ya [ ] Tidak [ ] Dalam Proses Catatan (jika ada): Mencapai sasaran KPI Q1 2017 iaitu sebanyak 25.45%

AGENDA 8.1: STATUS KAWALAN KETAKAKURAN

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

☐ **QMS** ☑ **ISMS** ☐ **EMS**

Nota: Kawalan Ketakakuran - langkah-langkah untuk mengenalpasti, mengawal dan mengendalikan ketakakuran yang boleh atau berpotensi menyebabkan kelemahan dalam Sistem Pengurusan ISO

Bil	Kenyataan Ketakakuran	Kaedah Kawalan Ketakakuran	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	Pendaftaran Pelajar Baharu Masih terdapat beberapa kolej tidak mematuhi keperluan melaksanakan pengesahan pendaftaran dengan kad pengenalan pelajar ((Semakan kendiri semasa pendaftaran pelajar Asasi Sains Pertanian (1 Jun 2017) di kolej-kolej kediaman). **Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar**	Kaedah Kawalan: Ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan Tindakan yang akan dilaksanakan: 1) Mengeluarkan surat peringatan kepada pengurusan kolej berkaitan keperluan untuk melaksanakan proses semakan pengesahan pendaftaran menggunakan kad pengenalan pelajar (Mykad). **Tindakan: Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar** 2) Memberi penekanan kepada keperluan berkenaan semasa sesi taklimat keperluan ISMS sebelum sesi pendaftaran pelajar baharu **Peneraju ISMS bagi Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah – Bahagian Hal Ehwal Pelajar**	Sebelum kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 Sebelum kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018	☐ Ya ☐ Tidak ☑ Dalam Proses Catatan (jika ada): -

AGENDA 8.2: STATUS TINDAKAN PEMBETULAN

1. TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum dan mendapatkan pertimbangan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan laporan status tindakan pembetulan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

2. LATARBELAKANG

Tindakan pembetulan perlu dilaksana apabila ketakakuran berlaku sekiranya tidak mengikut standard pencapaian KPI, pengukuran sasaran proses, Prosedur, Arahan Kerja, Kepuasan Pelanggan dan hasil pemantauan proses atau produk/ perkhidmatan di UPM. Sebarang ketakakuran yang ditemui direkodkan dan perlu dikenalpasti punca ketakakuran dan diambil tindakan pembetulan yang berkesan bagi memastikan ketakakuran tidak berulang.

3. LAPORAN

Status tindakan pembetulan adalah sebanyak dua (2) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), dua (2) bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan tiada laporan tindakan pembetulan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS). Perincian laporan adalah seperti pada **Lampiran 1.**

4. SYOR

Ahli MKSP UPM dimohon:

(a) mengambil maklum Status Tindakan Pembetulan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh pelaporan 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017; dan

(b) menyemak dan membuat keputusan mengenai status tindakan pembetulan yang telah dan akan dilaksanakan oleh Peneraju serta keberkesanan tindakannya dalam Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) di UPM.

Lampiran 1

AGENDA 8.2: STATUS TINDAKAN PEMBETULAN

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

[√] **QMS** [ ] **ISMS** [ ] **EMS**

Nota: Tindakan pembetulan yang dikenalpasti melalui proses selain daripada penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	Pejabat TNCPI telah mengadakan Semakan Audit Kendiri pada 10 dan 11 Julai 2017. Audit Kendiri ini telah melibatkan semua entiti di bawah Pejabat TNCPI iaitu BPI, RMC, PSP dan COMAS. Sebanyak **16 proses kerja yang telah disemak** oleh 14 auditor PTJ. Hasil dapatan audit mendapati **3 NCR dan tiada OFI.** **(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi))**	**COMAS:** 1. Proses pengurusan bahan kimia tidak dilaksanakan mengikut prosedur SPK. 2. Proses kalibrasi tidak dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. **PSP:** Maklumbalas pelanggan tidak diambil tindakan dan diberi maklum balas.	**COMAS :** 1. Membuat permohonan latihan kepada OSH untuk latihan pengurusan bahan kimia. 2. Membuat permohonan dan semakan untuk kalibrasi peralatan makmal. **PSP:** Mewujudkan kaedah pemantauan secara manual melalui kaedah papan putih di Bahagian Promosi & Pemasaran PSP sebelum dimasukkan ke dalam pangkalan data.	14 Julai 2017	[√] Ya [ ] Tidak [ ] Dalam Proses Catatan (jika ada): Telah diambil tindakan.

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
2.	Didapati **Petunjuk Prestasi Utama (KPI) iaitu mengekalkan kedudukan laman web UPM pada kedudukan tiga teratas** di Malaysia **tidak tercapai** bagi tempoh penilaian **Jan-Jun 2016 dan Julai-Disember 2016.** Pencapaian KPI tersebut adalah **kedudukan ke-4 di Malaysia** bagi tempoh penilaian **Januari-Jun 2016, Julai-Disember 2016 dan Januari-Jun 2017.** **(Perpustakaan Sultan Abdul Samad)**	Markah kriteria *impact* (50%) masih rendah pada kedudukan 1745 (Jul – Dis 2016) dan 1854 (Jan - Jun 2017) disebabkan kekurangan *backlink/inlink* dari organisasi dan institusi luar.	1. Membina Laman Web baharu UPM yang mula digunakan pada awal April 2017. 2. Memperbanyakkan kandungan yang dapat menarik pihak luar membuat pautan ke Laman Web UPM / PTJ. 3. Membuat pertukaran pautan dengan organisasi / individu luar secara berterusan. 4. Mewujudkan menu Alumni di menu pelanggan (web Fakulti dan Institut sahaja). 5. Membangunkan *page* khas untuk Alumni UPM (staf dan pelajar). 6. Menambah jumlah penulisan dalam format HTML dan PDF di Laman Web UPM / PTJ.	2017	☐ Ya ☑ Tidak ☐ Dalam Proses Catatan (jika ada): Keberkesanan Tindakan Pembetulan yang dibuat akan dilaporkan setelah kedudukan laman web UPM bagi tempoh penilaian Julai – Disember 2017 yang akan diumumkan pada Januari 2018.

Lampiran 1

AGENDA 8.2: STATUS TINDAKAN PEMBETULAN

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

☐ **QMS** ☐ **ISMS** ☑ **EMS**

Nota: Tindakan pembetulan yang dikenalpasti melalui proses selain daripada penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	Pengukuran objektif Penjimatan Elektrik tidak mencapai sasaran bagi tahun 2016 **(Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset)**	Penjimatan adalah untuk keseluruhan kampus. Aktiviti penjimatan masih pada "no cost" dan hanya sedikit "low cost" menjadikan sasaran agak sukar dicapai.	(a) Mengkaji semula sasaran bagi penjimatan elektrik. PPPA mengesyorkan agar sasaran diturunkan kepada 6%. (b) Melaksanakan program *Energy Performance Contracting* (EPC) di 3 Pusat Tanggungjawab (PTJ) besar iaitu Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Fakulti Kejuruteraan (FK) dan Institut Biosains (IBS) dijangka dapat memberi penjimatan yang tinggi kepada UPM.	Disember 2017	☐ Ya ☐ Tidak ☑ Dalam Proses Catatan (jika ada): (a) Sasaran objektif penjimatan elektrik telah berkuatkuasa mulai Julai 2017. (b) Program EPC di FK dan IBS telah dilaksanakan pada Julai 2017 manakala di FPSK akan dilaksanakan pada Disember 2017.

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tarikh tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
2.	Pengukuran objektif Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik tidak mencapai sasaran bagi tahun 2016. **(Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)**	Pengisian inventori secara manual dan pembelian tidak terkawal.	Membangunkan sistem inventori atas talian secara berpusat bagi memudahkan perekodan dan kawalan (pembelian, pendaftaran dan pengemaskinian).	Februari 2018	☐ Ya ☐ Tidak ☑ Dalam Proses Catatan (jika ada): Pelaksanaan sistem yang dijadualkan pada bulan April 2017 terpaksa ditangguhkan kerana penyediaan sistem oleh pihak pembekal tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

AGENDA 9.1: STATUS TINDAKAN PENCEGAHAN

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum dan mendapatkan perhatian Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang laporan status tindakan pencegahan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

Latar Belakang

2. Tindakan pencegahan diambil bagi mengelakkan ketakakuran berlaku. Ia merangkumi proses mengenal pasti ketakakuran yang berpotensi akan berlaku yang boleh menjejaskan prestasi alam sekitar. Kaedah UPM menentukan tindakan pencegahan adalah menerusi laporan pencapaian objektif dan sasaran alam sekitar yang diukur pada pertengahan tahun, semakan kendiri bagi proses pengurusan alam sekitar, pemerhatian dan sebagainya. UPM telah mengenal pasti di peringkat awal ketakakuran yang berpotensi berlaku dan seterusnya merancang tindakan pencegahan bagi memastikan ketakakuran tidak akan berlaku.

Status Tindakan Pencegahan

3. Status tindakan pencegahan yang direkodkan adalah sebanyak dua (2) laporan dan perincian laporan adalah sebagaimana **Lampiran**.

Syor

4. Ahli MKSP UPM dimohon menyemak dan membuat keputusan mengenai status tindakan pencegahan yang telah dilaksanakan oleh Peneraju bagi mengelakkan ketakakuran berlaku pada masa akan datang.

Lampiran

STATUS TINDAKAN PENCEGAHAN SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS)

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tarikh Tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
1.	Didapati pengurusan sisa terjadual (kimia/klinikal/e-waste) berpotensi tidak mematuhi perundangan berkaitan (proses pelupusan sisa terjadual dilakukan tidak melebihi 180 hari dari tarikh penghasilan) **(Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)**	Kekangan kewangan/ kewangan terhad yang dialami oleh UPM	Mengemukakan permohonan peruntukan dan makluman anggaran perbelanjaan pelupusan sisa terjadual tahunan pada setiap bulan Januari dan Julai bagi anggaran perbelanjaan pelupusan sisa terjadual setengah tahun kedua kepada Pejabat Bursar (Seksyen Belanjawan)	20/1/2017 dan 24/72017	☐ Ya ☐ Tidak ☑ Dalam Proses Catatan (jika ada): Anggaran peruntukan/ perbelanjaan setahun pengurusan sisa terjadual =RM 460,000.00

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tarikh Tindakan	Status Keberkesanan Tindakan
2.	Didapati kemudahan yang mencemarkan udara (kebuk wasap yang mempunyai cerobong/serombong) berpotensi tidak mencapai sasaran bagi Objektif EMS dan tidak patuh kepada keperluan perundangan bagi penilaian kepatuhan EMS tahun 2018 (tidak mematuhi perundangan berkaitan termasuk tidak mengikut speksifikasi yang mempunyai sistem kawalan pencemaran udara)	1) Kekangan kewangan/ kewangan terhad yang dialami oleh UPM bagi kos sepertimana berikut: i. penyediaan dokumen lukisan kejuruteraan oleh Jurutera bertauliah ii. pemasangan sistem kawalan pencemaran udara pada boiler/incinerator/ kebuk wasap iii. mengadakan pemantauan berkala keatas prestasi sistem kawalan pencemaran udara oleh makmal bertauliah (jika mendapat lesen mencemar) 2) Kekangan sumber tenaga manusia yang kompeten dan memastikan kompetensi dapat dikekalkan (menghantar kursus yang diiktiraf/ mempunyai *Certified Environmental Professional* (CEP) oleh DOE secara berkala)	Bagi pemasangan boiler/ kebuk wasap yang mempunyai cerobong/serombong yang tiada pemberitahuan bertulis/ lesen mencemar: - Menyediakan pelan perancangan setakat yang praktik secara berperingkat meliputi: i. Mendapatkan data terperinci setiap Kebuk Wasap ii. Penyediaan dokumen bagi pemberitahuan bertulis kepda DOE Selangor iii. Mengeluarkan surat arahan/ pekeliling / prosedur bagi pemasangan kemudahan yang mencemarkan udara iv. Pemantauan berkala ke atas kemudahan yang mencemarkan udara (yang mendapat lesen mencemar)	Januari 2018	☐ Ya ☐ Tidak ☑ Dalam Proses Catatan (jika ada): Bilangan kebuk wasap yang telah disemak/ berdaftar di PPKKP setakat Julai 2017 = 387 unit

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidakpatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidakpatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tarikh Tindakan	Status Keberkesanan Tindakan

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

MESYUARAT
KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)
ISO UPM 2017

(QMS KALI KE 7, ISMS KALI KE 6
& EMS KALI KE 4)
pada 23 Ogos 2017 (Rabu)
jam 2.30 petang

NEW!

AGENDA 10.0:
PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN

10.1 – Pembentukan dan Semakan Dasar

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my

MKSP

:AGENDA 10.1 **: PEMBENTUKAN DAN SEMAKAN DASAR**

ISO 9001:2015

9.3 **Management Review**

9.3.3 Management Review Outputs
The outputs of management review shall include decisions and actions related to:

a) Opportunities for improvement
b) Any need for the changes to the quality management system
c) Resource needs

The organization shall retain documented information as evidence of the results of management reviews.

ISO/IEC 27001:2013

9.3 Management review

Top management shall review the organization's information security management system at planned intervals to ensure its continuing suitability, adequacy and effectiveness.
The management review shall include consideration of:
a) the status of actions from previous management reviews;
b) changes in external and internal issues that are relevant to the information security management system;
c) feedback on the information security performance, including trends in:
1) nonconformities and corrective actions;
2) monitoring and measurement results;
3) audit results; and
4) fulfilment of information security objectives;
d) feedback from interested parties;
e) results of risk assessment and status of risk treatment plan; and
f) opportunities for continual improvement.

The outputs of the management review shall include decisions related to continual improvement opportunities and any needs for changes to the information security management system. The organization shall retain documented information as evidence of the results of management reviews.

ISO 14001:2004

4.6 Management review

Top management shall review the organization's environmental management system, at planned intervals, to ensure its continuing suitability, adequacy and effectiveness. Reviews shall include assessing opportunities for improvement and the need for changes to the environmental management system, including the environmental policy and environmental objectives and targets.
Records of the management reviews shall be retained. Input to management reviews shall include
a) results of internal audits and evaluations of compliance with legal requirements and with other requirements to which the organization subscribes,
b) communication(s) from external interested parties, including complaints,
c) the environmental performance of the organization,
d) the extent to which objectives and targets have been met,
e) status of corrective and preventive actions,
f) follow-up actions from previous management reviews,
g) changing circumstances, including developments in legal and other requirements related to its environmental aspects, and
h) recommendations for improvement.

The outputs from management reviews shall include any decisions and actions related to possible changes to environmental policy, objectives, targets and other elements of the environmental management system, consistent with the commitment to continual improvement.

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

DASAR KUALITI UPM ISO 9001:2008

UPM

TELAH DIPERSIJILKAN DENGAN SATU PENSIJILAN **(ISO 9001:2008)** MULAI TAHUN 2011 HINGGA KINI

AR2020

Staf Universiti Putra Malaysia beriltizam
ke arah kecemerlangan
melalui penerapan budaya kualiti
dalam pengajaran dan pembelajaran,
penyelidikan dan perkhidmatan sokongan
untuk memenuhi **ekspektasi pelanggan.**

Staf Universiti Putra Malaysia
akan melaksanakan tanggungjawab
dalam mencapai objektif kualiti yang ditetapkan,
serta memastikan objektif tersebut dikaji dari semasa ke semasa supaya selaras dengan
visi, misi dan matlamat UPM

Semakan terhadap dasar dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan dasar kini dibuat berdasarkan keperluan standard baharu ISO 9001:2015…

Update

ISO 9001:2015

NEW! STANDARD ISO 9001:2015

Clause 5 - LEADERSHIP

Clause 5.2: Policy

5.2.1: Establishing the quality policy

Top Management shall establish, implement and maintain the quality policy that:

(a) is appropriate to the purpose and context of the organization and supports its strategic direction;

DASAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(SISTEM PENGURUSAN KUALITI) 2017

Pekerja Universiti Putra Malaysia komited dalam mencapai kecemerlangan melalui penerapan budaya kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan sokongan untuk mencapai matlamat pelan strategik unversiti.

Pekerja Universiti Putra Malaysia akan sentiasa melaksanakan tanggung jawab dalam mencapai objektif kualiti yang ditetapkan serta memastikan objektif kualiti tersebut dikaji dari semasa ke semasa supaya selaras dengan visi, misi dan matlamat UPM.

Pemansuhan

Apa-apa dasar atau polisi mengenai pengurusan kualiti Universiti Putra Malaysia yang berkuat kuasa sebelum ini adalah dimansuhkan.

Dibuat 20 Jun 2017

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

OBJEKTIF KUALITI UPM

3 Kategori Objektif Kualiti adalah:

1. **Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM;**
2. **Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras; dan**
3. **Piagam Pelanggan**
   i. **Proses utama universiti**
   ii. **Proses Sokongan dan Operasi Perkhidmatan Sokongan**

PERNYATAAN DASAR

KEKAL

ISO/IEC 27001:2013

DASAR KESELAMATAN MAKLUMAT

Universiti Putra Malaysia beriltizam mengadakan sistem pengurusan keselamatan maklumat yang berkesan melalui:

1. pematuhan kepada kehendak organisasi dan perundangan serta peraturan;
2. pembangunan objektif dan matlamat berdasarkan objektif keselamatan;
3. komitmen bagi memenuhi keperluan berkaitan keselamatan maklumat; dan
4. penilaian semula dan pengubahsuaian dasar, objektif dan sasaran untuk penambahbaikan berterusan.

OBJEKTIF

Objektif ISMS Tahun 2017:

1. Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah;
2. Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian;
3. Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan;
4. Memastikan Service Level Agreement (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester

PERNYATAAN DASAR

ISO 14001:2004

KEKAL

DASAR PENGURUSAN ALAM SEKITAR UPM

UPM beriltizam mengadakan sistem pengurusan yang berkesan melalui:

1. Pematuhan keperluan undang-undang, peraturan dan keperluan-keperluan lain mengenai alam sekitar khususnya pencegahan pencemaran;
2. Pembangunan objektif dan matlamat berdasarkan penilaian aspek impak alam sekitar;
3. Penilaian semula dan pengubahsuaian polisi, objektif dan sasaran untuk penambahbaikan berterusan;
4. Pembudayaan amalan baik ke arah kelestarian alam sekitar.

OBJEKTIF

Objektif EMS Tahun 2017:

1. Penjimatan penggunaan kertas;
2. Penjimatan tenaga elektrik;
3. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel; dan
4. Pengendalian kemudahan yang mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan.

MKSP

AGENDA 10.1 **: PEMBENTUKAN DAN SEMAKAN DASAR**

Selain daripada 3 dasar ISO (QMS, ISMS dan EMS) yang digunakan di UPM, mungkin terdapat juga dasar lain yang digunakan di UPM yang dirujuk dan berkaitan, seperti Dasar Kelestarian Hijau dan lain-lain.

Mesyuarat JKKualiti kali ke 36, pada 10 Ogos 2017

5.2	DASAR		5.2 Dasar Kualiti	
5.2.1	Mewujudkan Dasar Kualiti	Pengwujudan, pelaksanaan dan pengekalan dasar kualiti	Dasar Kualiti sedia ada telah disemak dan ditambahbaik Kini telah diperaku di Mesyuarat JPU & telah dibawa dalam mesyuarat LPU pada 20 Jun 2017, dan diaklukan pada 10 Ogos 2017 Akan disediakan poster dan dokumen edaran kepada PTJ, serta hebahan melalui pelbagai medium setelah ditandatangani oleh Pengerusi LPU	Dasar Kualiti LAMPIRAN D Selain daripada dasar kualiti, terdapat juga dasar lain terpakai di UPM, yang perlu dilihat bersama. **Cadangan Tindakan Tambahbaik:** **Dasar terpakai di UPM dimaklum/hebah kepada warga universiti**
	menyampaikan Dasar Kualiti	Dasar kualiti tersedia & dikekalkan (maintain), disampaikan, difahami dan diguna dalam organisasi & tersedia untuk pihak berkepentingan		Edaran salinan lemhut poster / maklumat dasar kepada PTJ

Cadangan Tindakan Tambahbaik:

Dasar terpakai di UPM dimaklum/dihebah kepada warga universiti

SYOR

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon **mengambil perhatian** berhubung:

1. Dasar Pengurusan Kualiti UPM kini, telah dibuat setelah semakan menggunakan standard baharu ISO 9001 :2015;
2. Dasar Pengurusan Keselamatan Maklumat sedia ada yang dikekalkan; dan
3. Dasar Pengurusan Alam Sekitar sedia ada yang dikekalkan.
4. Pemakluman/hebahan dasar yang terpakai di UPM kepada pekerja UPM.

Dasar yang dikekal (perkara 2 & 3) telah mengambil kira kesesuaian dengan matlamat dan konteks UPM kini.

TERIMA KASIH

AGENDA 10.2:

PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN KUALITI

[Laporan akan dibentang semasa Mesyuarat]

AGENDA 10.3: PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

1. TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai perubahan yang boleh memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017.

2. LAPORAN

Laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat merangkumi aspek perubahan yang dilihat dari segi penstrukturan organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti. Sebanyak **3 perubahan telah dilaksanakan** manakala **2 lagi sedang dalam proses pelaksanaan.** Perincian laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti adalah seperti pada **Lampiran 1.**

3. SYOR

Ahli Mesyuarat MKSP adalah diminta mengambil maklum senarai perubahan yang telah dilaksanakan di UPM yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013.

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
1.	Memperluaskan entiti skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah melibatkan UPM Kampus Bintulu (UPMKB).	1. Melancarkan aktiviti pendaftaran pelajar baharu UPMKB dengan jaminan maklumat pelajar diurus dengan penuh kerahsiaan, integriti dan ketersediaan. 2. Mengelak wujudnya pendaftaran oleh pelajar yang tidak sah.		✓	Pendaftaran Pelajar: 1. Diploma (5 Jun 2017) UPMKB 2. Pra siswazah (6 September 2017)
2.	Melaksanakan pra pendaftaran pelajar baharu melalui aplikasi *online* eDaftar.	1. Meningkatkan integriti dalam pengurusan maklumat pelajar 2. Mempercepatkan proses pendaftaran dengan mengurangkan 2 kaunter daripada 6 sebelumnya. Nota: Kaunter Bendahari dan Kaunter PKU telah dikeluarkan.		✓	Telah dilaksana pada: 1. 1 Jun 2017 untuk Pelajar Asasi Sains Pertanian UPM 2. 5 Jun 2017 untuk Pelajar Diploma UPMKB Akan dilaksana pada Sesi Kemasukan 2017/2018 pada 6 September 2017 untuk Pelajar Bacelor di UPM (Kampus Serdang dan Bintulu).
3.	Membenarkan pentadbir sistem mencapai aplikasi dari luar pusat data dengan selamat dan terkawal.	Mempercepatkan proses penyelenggaraan aplikasi oleh pentadbir sistem.	✓		Dilaksanakan bermula Julai 2016.

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
4.	Menambahbaik pelaporan proses penilaian risiko melalui Sistem MyRAM *(The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment System)* dimana strategi pelaporan penilaian risiko yang berasaskan setiap proses ditukar kepada berasaskan setiap skop seperti berikut: i. Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (UPM Serdang) ii. Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (UPM Bintulu) iii. Pusat Data	Laporan akhir penilaian risiko ISMS dapat diselaraskan mengikut peneraju proses.	✓		Telah dilaksanakan melalui penilaian risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) pada April 2017.
5.	Menambahbaik kemudahan bilik perbincangan untuk menguruskan sebarang krisis atau bencana kepada Pusat Data	Membangunkan Bilik Krisis Pusat Data.	✓		Bilik Krisis Pusat Data sudah boleh digunakan bermula Julai 2017.

10.4: DAFTAR UNDANG-UNDANG YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai daftar undang-undang yang memberi kesan kepada pengurusan alam sekitar.

Latar Belakang

2. Berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.2, UPM telah membangun dan mengekalkan Prosedur Undang-undang dan Keperluan Lain yang bertujuan untuk mengenalpasti, mengakses, mengemas kini, menyenggara dan berkomunikasi dengan semua undang-undang yang berkaitan dan lain-lain keperluan yang terus terpakai bagi aktiviti-aktiviti Universiti Putra Malaysia yang berkaitan dengan alam sekitar.

3. Hasil daripada pengenalpastian undang-undang semasa yang berkaitan dengan skop Sistem Pengurusan Alam Sekitar, UPM telah menyediakan Senarai Daftar Undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan sebagai rujukan pelaksanaan EMS di UPM.

Laporan

4. Semakan dan perubahan Senarai Daftar Undang-undang dan Keperluan lain yang berkaitan telah dibuat bagi menghasilkan rujukan undang-undang adalah terkini dan relevan. Perincian laporan perubahan Daftar Undang-undang yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar adalah sebagaimana **Lampiran.**

Syor

5. Ahli MKSP UPM dimohon mengambil maklum perubahan Daftar Undang-undang yang telah dilaksanakan di UPM yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Alam Sekitar.

Lampiran

DAFTAR UNDANG-UNDANG YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Bil	Perubahan yang Telah Dibuat	Kesan	Status (Tandakan √ pada ruangan yang berkenaan)		Catatan
			Telah Dilaksanakan	Sedang Dilaksanakan	
1.	Pejabat kami telah membuat pindaan seperti berikut: Gugur *i. Poisons Act 1952 [Act 366];* *ii. Posions Regulations, 1952;* *iii. Pesticides Act 1974 [Act 149]* Tambah *i. Efficient Management of Electrical Energy Regulations 2008 [P.U.(A)444]* Pinda Meminda tajuk Akta *Occupational Safety & Health (Use and Standards of Exposure of Chemical Hazaourdous to Heatlh Regulations 2000* **(Pejabat Penasihat Undang-Undang)**	Rujukan terkini senarai daftar undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan selaras dengan keperluan skop alam sekitar UPM	√	-	Borang Cadangan Pindaan dan Huraian Cadangan Pindaan kepada Daftar Undang-Undang telah dihantar kepada Pusat Jaminan Kualiti melalui surat bertarikh 20 April 2017 dan Pindaan Daftar Undang-Undang itu berkuatkuasa 26 Mei 2017.

10.5: PENILAIAN ASPEK IMPAK YANG MEMBERI KESAN KEPADA PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk untuk memaklum dan mendapatkan perhatian Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai penilaian aspek impak yang memberi kesan kepada pengurusan alam sekitar.

Latar Belakang

2. Daftar Aspek Impak EMS UPM dibangunkan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.1 yang mengandungi semua aktiviti dan proses yang boleh memberi kesan terhadap alam sekitar di UPM iaitu impak kepada udara, air, tanah, bunyi dan sumber alam. Penilaian perlu dibuat mengambilkira penglibatan akta dan perundangan, kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar, dan kepentingan kepada organisasi.

3. Daftar Aspek Impak UPM yang dibangunkan perlu disemak secara berkala supaya aspek dan aktiviti yang dilaksanakan di UPM dapat dikenalpasti secara menyeluruh dan bersesuaian.

Perubahan Daftar Aspek Impak EMS Tahun 2017

4. Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 telah mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2017. Daftar ini telah ditambahbaik secara menyeluruh hasil daripada laporan ketakakuran (NCR) penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 pada tahun 2016.

5. Perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 adalah merangkumi perkara berikut:

(a) Pembahagian impak alam sekitar kepada lima (5) iaitu udara, tanah, air, bunyi dan sumber alam;
(b) Aspek persekitaran berdasarkan aktiviti yang dijalankan di UPM;
(c) Kriteria penilaian bagi impak dan penentuan aktiviti yang signifikan dengan UPM adalah berdasarkan penilaian impak (Kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) dan penentuan signifikan yang telah ditetapkan sebagaimana **Lampiran**;
(d) Pengenalpastian undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan bagi aktiviti yang melibatkan undang-undang;
(e) Pengenalpastian kawalan sedia ada atau cadangan aktiviti bagi aspek persekitaran yang disenaraikan;
(f) Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat bagi setiap aktiviti yang disenaraikan.

6. Perincian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM Edisi 3.0 boleh dirujuk dalam portal Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) UPM di bawah pautan Dokumentasi EMS ISO 14001.

Syor

7. Ahli MKSP UPM dimohon:

(a) mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 yang perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS;
(b) mengambil perhatian perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS UPM mengambilkira maklum balas pihak Audit Badan Pensijilan SIRIM yang memberi kesan kepada PTJ dalam mempertingkatkan kefahaman berkaitan Daftar Aspek Impak sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan EMS di UPM.

Lampiran

KRITERIA PENILAIAN

1.0 Penilaian Impak

1.1 Kebarangkalian berlaku pencemaran

Peringkat	Kriteria
H	Kemungkinan berlaku tinggi
M	Kemungkinan berlaku
L	Tidak mungkin berlaku

1.2 Darjah Kerosakan kepada alam sekitar

Peringkat	Kriteria
H	Kerosakan besar kepada alam sekitar dan memerlukan jangka masa yang lama untuk ditangani (Melebihi sebulan)/ kos yang tinggi (Melebihi RM10 ribu)
M	Kerosakan kecil dan mudah ditangani dengan masa yang singkat / kos rendah
L	Tidak memberi kesan kepada alam sekitar

1.3 Kepentingan kepada Organisasi

Peringkat	Kriteria
H	Sangat penting (Implikasi kepada dasar/pekeliling universiti)
M	Penting (Berpotensi memberi impak kepada Universiti)
L	Tidak penting

2.0 Penentuan Signifikan

Signifikan (√)	(a) Penilaian impak melibatkan Legal
	(b) Penilaian impak terdapat salah satu 'H'
Tidak Signifikan (X)	Sekiranya penilaian impak tidak terdapat 'H' atau Legal

AGENDA 11.0: PELUANG PENAMBAHBAIKAN

1. TUJUAN

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai peluang penambahbaikan di UPM yang akan dilaksanakan.

2. LAPORAN

Laporan peluang penambahbaikan ini direkodkan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pemantauan proses produk/perkhidmatan, hasil laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya. Sebanyak lima (5) peluang penambahbaikan (OFI) yang telah direkodkan di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), satu (1) OFI di bawah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan tiada laporan OFI bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). Laporan penuh adalah seperti pada **Lampiran 1.**

3. SYOR

Mesyuarat adalah Ahli MKSP UPM dimohon mengambil maklum senarai peluang penambahbaikan yang akan dilaksanakan di UPM.

Lampiran 1

AGENDA 11.0: PELUANG PENAMBAHBAIKAN

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

√	**QMS**		**EMS**		**ISMS**

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
1.	PTJ seringkali menghadapi kesukaran untuk mendapatkan laporan kemajuan projek/ laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik bagi Geran Luar yang melibatkan penggunaan Sistem *online* iaitu Mygrants dan MOSTI. Cadangan penambahbaikan: i. Memandangkan Pejabat TDPA tidak dapat mengakses sistem Mygrants dan Sistem MOSTI, RMC dimohon agar dapat mengambil tindakan memaklumkan kepada PTJ sekiranya penyelidik telah menghantar Laporan ke dalam sistem Mygrants dan Sistem MOSTI. ii. Peneraju proses dicadangkan menyediakan sistem pemantauan penghantaran laporan kemajuan /akhir penyelidikan yang dapat diakses oleh Pejabat TDP/Pegawai Pemantau di PTJ. Contoh : Borang Laporan Kemajuan Projek Penyelidikan dan	Pihak RMC telah membangunkan Sistem Putra Research & Innovation Management System (PRIMS) untuk memantapkan proses pemantauan projek penyelidikan UPM. Modul pemantauan ini memerlukan penyelidik memuat naik laporan yang dihantar melalui sistem luar (penaja) untuk tujuan penilaian dan rekod PTJ. PTJ mempunyai akses ke sistem PRIMS dan boleh menjalankan pemantauan melalui sistem tersebut.	2017	Supaya penemuan ketakakuran yang berulang dapat dielakkan.

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
	Borang Laporan Akhir Penyelidikan yang berasaskan Sistem Mygrants (Geran FRGS, PRGS, TRGS, LRGS, ERGS) dan Sistem MOSTI (Geran Sciencefund) **(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**			
2.	Tambah baik Borang Laporan Penilaian Prestasi Projek (PU/PY/BR40/PRESTASI).Cadangan penambahbaikan: i. Ruang komen pada bahagian Panel Penilai PTJ perlu dipecahkan bagi setiap sukuan. Berlaku kekeliruan dimana panel tidak mempunyai ruang yang cukup untuk membuat penilaian pada setiap sukuan dan mengisi komen untuk LKP 2 pada bahagian Tahun Kedua (Laporan Kemajuan 3 dan 4) ii. Pengesahan TDP/Pengarah hanya ada 2 (memuaskan dan tidak memuaskan). Perlu ditambah sederhana. **(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**	Memandangkan penilaian laporan perlu dibuat setahun sekali (2 laporan digabungkan penilaiannya) maka, keperluan untuk menyediakan ruang berasingan adalah tidak perlu. Contohnya bagi laporan kemajuan 1 dan laporan kemajuan 2, penilaian hanya dibuat oleh panel pada masa laporan kemajuan 2 diterima oleh PTJ. Tujuan penilaian dirangkumkan untuk 2 laporan sekali adalah untuk memudahkan PTJ melaksanakan proses penilaian. Pihak RMC bersetuju dengan cadangan untuk menambah status 'sederhana' pada Borang Laporan Penilaian Prestasi Projek (PU/PY/BR40/PRESTASI).	2017	-

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
3.	UCTC akan mengadakan Bengkel Hala Tuju untuk memantapkan fungsian dan pengenalpastian strategi baharu yang akan menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategi UPM UPM 2014-2020 (Matlamat ke 3: Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat) **(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat – Pusat Transformasi Komuniti Universiti - UCTC))**	Dalam proses persediaan untuk mengadakan bengkel.	18 hingga 20 Ogos 2017	-
4.	Mengadakan latihan kepada pegawai TNCJINM dan entiti JINM yang memegang jawatan TPKD, TPAD, TPLS, TPKP, Juruaudit PTJ, Pegawai E-Waste, Pegawai Aset, Pegawai OSH, 5S, Pegawai Rekod Jabatan (PRJPTJ) dan lain-lain yang berkaitan dengan SPK berikutan terdapat pegawai lantikan baharu atau pertukaran/bersara. **(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)**	TPLS JINM dan Entiti JINM akan menyediakan perancangan dan penyelarasan latihan mengikut kesesuaian jawatan yang disandang dalam sistem SPK, OSH dan sebagainya	Oktober hingga Disember 2017	Menyelaras latihan bersama dengan Pejabat Pendaftar, Bursar, CQA, OSHA
5.	Memberikan perkhidmatan yang efektif kepada masyarakat menerusi perkhidmatan pengesanan awal kanser. Ini adalah untuk menjayakan Pelan Strategik UPM 2014-2020 (Matlamat ke 3: Melonjakkan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat) **(Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat - Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser, CaRE UPM)**	Menawarkan perkhidmatan pengesanan awal kanser menggunakan mesin *ultrasound*. Perkhidmatan ini telah menyumbang dalam dalam sub-komponen JINM iaitu: i. Jaringan Industri dan Masyarakat; ii. Aktiviti kesukarelawan menerusi	2017	Kertas kerja bagi cadangan mengadakan perkhidmatan pengesanan awal kanser (early cancer detection) akan

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
		program "Pengesanan Awal Kanser @ Putra Bakti"; dan iii. Penjanaan Pendapatan. Menerusi perkhidmatan ini juga, CaRE UPM turut menyokong perkhidmatan diagnostik yang ditawarkan di PPDN dengan menjadi salah satu *feeder* rujukan pesakit yang perlu mendapatkan pemeriksaan lanjut di PPDN menerusi *CT Scan*, MRI dan *Pet Scan*.		dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti untuk kelulusan.

Lampiran 1

AGENDA 11.0: PELUANG PENAMBAHBAIKAN

(Tandakan √ pada ruangan yang berkaitan)

☐ **QMS** ☐ **EMS** ☑ **ISMS**

Bil	Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI)	Pelaksanaan Tindakan	Cadangan Tarikh Pelaksanaan	Catatan
1.	Menaiktaraf Sistem Pencahayaan di Pusat Data Utama (IDEC Beta). **Peneraju ISMS bagi Pengurusan Pusat Data – IDEC**	Merancang untuk melaksanakan naiktaraf Sistem Pencahayaan Pusat Data pada tahun 2018.	2018	Memohon pihak Pejabat Pembangunan dan pengurusan Aset (PPPA) mengambilkira keperluan ini dalam perancangan naiktaraf infrastrukur UPM tahun 2018.

12.1: PERSEDIAAN AUDIT BADAN PENSIJILAN OLEH SIRIM TAHUN 2017

Tujuan

1. Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklum dan mendapatkan perhatian ahli Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai persediaan audit badan pensijilan tahun 2017 bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Latar Belakang

2. Audit oleh pihak ketiga (Badan pensijilan SIRIM) dilaksanakan pada setiap tahun untuk memastikan UPM mendapat dan mengekalkan pensijilan bagi QMS, ISMS dan EMS di UPM. Jadual pelaksanaan audit di UPM telah dibentang dan dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-32, yang merangkumi tarikh audit, peringkat audit, tarikh akhir penghantaran pelan tindakan ke SIRIM dan tarikh akhir penghantaran bukti tindakan pembetulan.

Persediaan Audit Badan Pensijilan Tahun 2017

3. Butiran pelaksanaan audit QMS, ISMS dan EMS adalah sebagaimana berikut:

3.1 <u>Audit Badan Pensijilan QMS</u>

Surat notifikasi audit daripada pihak SIRIM telah diterima bertarikh 28 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, audit Pemantauan Semakan 2 akan diadakan pada 11 hingga 15 September, 18 hingga 21 September dan 25 hingga 26 September 2017 (11 hari audit) dengan menggunakan standard baharu iaitu MS ISO 9001:2015. Skop audit merangkumi semua entiti/Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM termasuk 5 entiti/PTJ baharu iaitu Institut Kajian Perladangan, Pusat Antarabangsa, Pusat Sains Marins, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen.

Seramai lima (5) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

(a) Cik Hanida Ghazali (**Ketua Juruaudit**): Mengaudit pada 11 hingga 15 September, 18 hingga 21 September dan 25 hingga 26 September 2017 (11 hari audit);
(b) Dr. Montaj Mustakim: Mengaudit pada 11 hingga 15 September, 18 hingga 21 September dan 25 hingga 26 September 2017 (11 hari audit);
(c) Puan Fauziah Sulaiman: Mengaudit pada 11 hingga 15 September dan 25 hingga 26 September 2017 (7 hari audit);
(d) Puan Parimala Devi a/p Ganesan: Mengaudit pada 11 hingga 15 September 2017 (5 hari audit);
(e) Seorang Juruaudit akan ditentukan kemudian (3 hari audit)

3.2 Audit Badan Pensijilan ISMS

Pemakluman berkaitan perluasan skop audit di Bintulu telah dibuat kepada pihak SIRIM dan surat notifikasi audit telah diterima bertarikh 6 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, audit ISMS akan diadakan pada 6 September 2017 yang akan mengaudit proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah di Kampus Bintulu dan audit akan diteruskan pada 2 hingga 3 November 2017 di Kampus Serdang (Jumlah keseluruhan 3 hari audit).

Seramai tiga (3) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

(a) Puan Sazlin Alias (**Ketua Juruaudit**): Mengaudit pada 6 September (di Kampus Bintulu) dan 2 hingga 3 Oktober 2017 (di Kampus Serdang) (3 hari audit);
(b) Encik Mohammad Hamidi Yusop: Mengaudit pada 2 hingga 3 Oktober 2017 (2 hari audit); dan
(c) Seorang juruaudit akan ditentukan kemudian yang akan mengaudit selama satu (1) hari.

3.3 Audit Badan Pensijilan EMS

Surat notifikasi audit daripada pihak SIRIM telah diterima bertarikh 28 Julai 2017 yang merangkumi tarikh audit dan senarai juruaudit. Pada tahun 2017, Audit Pensijilan Semula akan diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit).

Seramai empat (4) orang juruaudit akan terlibat iaitu:

(a) Puan Aernida Abdul Kadir (**Ketua Juruaudit**): Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit);
(b) Encik Tajul Arif Ariffin: Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit);
(c) Encik Shaiful Azmir A. Rahman: Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit); dan
(d) Encik Mahmud Rizal Othman. : Mengaudit pada 9 hingga 11 Oktober 2017 (3 hari audit)

4. Maklumat persediaan audit badan pensijilan yang merangkumi keperluan kemudahan di PTJ, kesediaan PTJ dan tanggungjawab auditi semasa pelaksanaan audit telah dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM kali ke-36 pada 10 Ogos 2017.

Syor

5. Ahli MKSP UPM dimohon:

(a) mengambil perhatian butiran pelaksanaan audit badan pensijilan oleh SIRIM bagi tahun 2017;
(b) mengambil perhatian bantuan tindakan memaklumkan kepada staf di PTJ masing-masing berkaitan audit badan pensijilan oleh SIRIM.